



جياتن كذاكينم شريعة هليسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 6 Zulkaedah 1421
Tarikh : 31 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN No. 4 TAHUN 2000

Bentuk Prosiding Injunksi dan Pliding

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung permohonan Perintah Injunksi dan kandungan Afidavit menyokong permohonan. Mulai 1 Mac 2001, Permohonan Injunksi boleh difailkan dengan syarat dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan itu pemohon/plaintif mestilah memfailkan kes induknya. Sebarang perintah yang dikeluarkan berhubung permohonan Injunksi ini hanya berkuatkuasa selama 30 hari dari tarikh perintah tersebut dimeteraikan oleh Mahkamah.

2. Kandungan afidavit yang menyokong permohonan Injunksi hendaklah antara lain mengandungi:
 - 2.1 Penentang/Responden boleh membatalkan sebahagian atau kesemua perintah yang diperolehi sekiranya didapati kemudiannya kenyataan Plaintiff/Pemohon adalah tidak benar.
 - 2.2 Penentang memberi akujanji akan membayar apa-apa gantirugi atau taksiran atas gantirugi akibat daripada perintah yang diperolehi secara tidak benar.

(Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Kuala Lumpur
18 Disember 2000.